



**KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
(KOSMA)**

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) merupakan koperasi yang berwibawa, bergiat dalam industri Perladangan Kelapa Sawit, Perhotelan, Dan Ar-Rahnu.

KOSMA mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan Pembantu Tadbir Operasi Ar-Rahnu dan mencari individu untuk menyertai KOSMA yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- i) Mempunyai **Keterampilan** yang baik.
- ii) Mempunyai **Bakat dan Semangat** yang tinggi dalam bekerja
- iii) Mempunyai **Bakat Kepimpinan**
- iv) Mempunyai **Jati Diri Cemerlang** dan
- v) Mempunyai **Kelayakan atau Pengalaman** yang luas dengan jawatan

Syarat Lantikan **WAJIB**: Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Terma dan syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----------------|---|---|
| 1. NAMA JAWATAN | : | PEMBANTU TADBIR OPERASI AR-RAHNU |
| TARAF JAWATAN | : | TETAP |
| GRED | : | N3 |
| SKIM GAJI | : | RM 1,848 [N3P1T1] – RM 6,488 [N3P1T30] |
| ELAUN | : | (a) Perumahan - RM 500.00 |
| | | (b) Penaksir - RM 50.00 |

2. Lain-lain kemudahan akan ditentukan oleh pihak pengurusan.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- i) Menjalankan tugas harian operasi Ar-Rahnu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- ii) Melayani pertanyaan pelanggan dengan tertib dan berhemah.
- iii) Memastikan pengujian ketulenan emas dan timbangan dibuat dengan tepat dan mendapat pengesahan Pegawai Operasi Ar-Rahnu.
- iv) Memastikan laporan harian aktiviti Ar-Rahnu diserahkan setiap hari selepas tamat urusan.
- v) Memastikan serahan modal pusingan sebelum dan selepas urusan adalah tepat dengan laporan urusan.
- vi) Memastikan kad stok dikemaskini pada setiap masa agar mudah disemak pada bila-bila masa diperlukan.
- vii) Memastikan sistem perisian Ar-Rahnu berada dalam keadaan baik untuk digunakan.
- viii) Memastikan segala urusan keselamatan berkaitan dengan aktiviti Ar-Rahnu sentiasa mengikut prosedur.
- ix) Lain-lain arahan daripada Ketua Jabatan dan pengurusan dari semasa ke semasa.

4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Memiliki Kelayakan ;
 - i) Diploma dalam bidang Perakaunan atau Pengurusan Perniagaan atau kewangan atau yang setaraf dengannya dalam bidang berkaitan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
 - ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik atau Prinsip Akaun peperiksaan tersebut; **DAN**
 - iii) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- d) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5-10 tahun dalam Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu atau bidang berkaitan.
- e) Keutamaan di beri kepada anggota KOSMA atau anak anggota KOSMA yang lahir di Pahang dan rakyat Negeri Pahang atau mana-mana kakitangan yang layak dan sedang berkhidmat di KOSMA dengan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

5. CARA MEMOHON

Borang Permohonan Jawatan boleh dimuat turun melalui Laman Web KOSMA www.kosma.com.my. Permohonan hendaklah secara bertulis melalui resume dan disertakan salinan sijil-sijil akademik/transkrip, salinan kad pengenalan serta sekeping gambar berukuran passport dan lain-lain dokumen sokongan (jika ada) dihantar ke alamat seperti berikut:

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA),
B-8032, SRI KUANTAN SQUARE,
JALAN TELUK SISEK,
25000 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P: BAHAGIAN PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA)

TARIKH IKLAN : 19HB MEI 2025

TARIKH TUTUP : 23HB MEI 2025

Catatan Am:-

- 1) Calon-calon akan ditapis dengan teliti dan hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- 2) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- 3) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.